

Headline	Mangsa tanah runtuh lega dapat tumpang kuarters TNB		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	08 Feb 2024	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	12
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	282 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 33,327		



**Cameron Highlands:**  
 "Saya bersyukur kami sekeluarga dapat berteduh di tempat lebih selesa selepas lebih tiga bulan tinggal di pusat pemindahan sementara (PPS) Sungai Ruil," kata Mazura Saad, 42.

Mazura dan keluarganya antara 17 keluarga membabitkan 88 isi rumah yang terbabit kejadian tanah runtuh di Kampung Sungai Ruil, Tanah Rata, di sini, Februari tahun lalu, dan kini ditempatkan sementara di kuarters Tenaga Nasional Berhad (TNB) Sungai Ruil untuk tempoh dua tahun.

"Saya lebih terbeban apabila perlu jaga suami yang kini tidak mampu berjalan selepas diserang angin ahmar, dalam keadaan kurang selesa, kami sekeluarga reda sepanjang berada di PPS.

"Saya bersyukur diberi peluang menumpang sementara di kuarters TNB ini tanpa sebarang bayaran," katanya ketika penyerahan kunci kuarters

## ***Mangsa tanah runtuh lega dapat tumpang kuarters TNB***



RAMLI (dua dari kanan) dan Baderul Sham bertemu mangsa tanah runtuh yang berpindah sementara pada Majlis Penyerahan Kunci Kuarters TNB Sungai Ruil kepada Jakoa. - Gambar NSTP/MOHD RAFI

TNB Sungai Ruil kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) yang disempurnakan Ahli Parlimen Cameron Highlands Datuk Ramli Mohd Noor, kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Besar TNB Pahang Datuk Baderul Sham Saad, Ketua Pengarah Jakoa Datuk Sapiyah Mohd Nor dan Pen-

garah Jakoa Pahang Johari Alwi.

Seorang lagi penghuni, Norzalina Samsudin, 32, dia sekeluarga berpindah ke kuarters TNB Sabtu lalu.

"Kuarters juga selesa dengan kemudahan dua bilik dan tandas," katanya.

Sementara itu, Baderul Sham berkata, TNB berse-

tuju menawarkan sewa bulanan RM500 untuk seunit kuarters dan melakukan baik pulih dengan kos RM103,000.

"Kami sedia lanjutkan tempoh menduduki kuarters sekiranya kerja penguatan dan penstabilan bagi penghalang hakisan berlaku kelewatan," katanya.

**17**

Bilangan keluarga mangsa tanah runtuh pindah ke kuarters